

JAWATAN KOSONG

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS adalah sebuah Universiti Awam yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 ingin mempelawa warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi jawatan seperti berikut :-

1. BUTIRAN JAWATAN :

- | | | | |
|-----|-----------------|---|--|
| 1.1 | Jawatan | : | Pendaftar |
| 1.2 | Gred | : | JUSA C |
| 1.3 | Jadual Gaji | : | RM7,676.00 – RM20,592.00 |
| 1.4 | Taraf Jawatan | : | Tetap |
| 1.5 | Tempoh Lantikan | : | Satu (1) hingga tiga (3) tahun perkhidmatan bagi Lantikan (Tertakluk kepada keputusan Lembaga Pengarah Universiti) |

1.6 Kelayakan Akademik :

- Memiliki Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
dan
- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)

1.7 Kriteria Umum

1.7.1 Pengalaman

Pernah mengetuai Jabatan/ Bahagian penting di mana-mana Universiti Awam.

1.7.2 Kecemerlangan Akademik

Mempunyai kelayakan di peringkat Ijazah Lanjutan adalah satu kelebihan. Mendapat *command of respect* dari kalangan rakan sejawat dan mempunyai rekod cemerlang dalam pengurusan dan khidmat professional.

1.7.3 Kebolehan Memimpin dan Mengurus

Memiliki *people skill* yang boleh menerajui transformasi, mempunyai gagasan, visi dan misi selaras matlamat UPSI serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya kerja cemerlang.

1.7.4 Reputasi

Menjadi *role model* kepada semua peringkat staf, selain memiliki pengalaman dan '*proven track record*' serta disanjung baik dan dihormati dalam dan luar kampus.

1.7.5 Kemahiran Komunikasi dan *Interpersonal*

Mempunyai kemahiran komunikasi dan *interpersonal* yang mantap dalam mentadbir pelbagai lapisan komuniti kampus yang *multicultural*.

1.7.6 Personaliti

Seseorang yang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, *team player*, berpandangan jauh, proaktif, dinamik, bertanggungjawab, beretika, berintegriti, patriotik dan bermotivasi tinggi.

1.8 Kriteria Kursus

1.8.1 Kecemerlangan Pengurusan

Berorientasikan Pencapaian – Mempunyai komitmen yang tinggi ke arah peningkatan hasil kerja keseluruhan melalui kecekapan dalam mengurus dan mengelola sumber-sumber yang diperuntukan dengan berkesan bagi mencapai matlamat dan objektif organisasi.

Pengurusan Kakitangan – Berkebolehan menambahbaik strategi sumber manusia untuk membangunkan kapasiti tenaga kerja dalam memenuhi keperluan semasa dan akan datang serta menyediakan hala tuju jelas untuk mencapai jangkaan.

Pengurusan Kewangan – Mengurus sumber kewangan dengan telus dan mencapai nilai untuk wang dan hasil yang optimum.

Pengurusan Perubahan dan Risiko – Berusaha menguruskan perubahan dalam organisasi secara berkesan dengan menggunakan segala sumber dan keupayaan sedia ada. Berusaha mengurangkan risiko dalam setiap hasil kerja yang dilaksanakan melalui aktiviti pengurusan risiko.

1.8.2 Pemikiran Strategik

Berkebolehan mengenalpasti, menjangka dan menganalisis isu dan masalah serta boleh mengatur strategi penyelesaian secara jangka masa panjang dan pendek dengan berkesan.

Berkebolehan menjangka situasi dari pelbagai dimensi serta berkeupayaan mengambil tindakan dan membuat keputusan mengikut keutamaan, berpandangan jauh dan melihat isu dari perspektif yang luas dan menyeluruh.

Berkemahiran dalam merancang dan membangunkan Pelan Strategik Organisasi serta mentafsirkannya sehingga ke peringkat pelaksanaan.

1.8.3 Kepimpinan Berteraskan Nilai dan Etika

Memiliki dan mempraktikkan nilai dan etika yang tinggi dalam setiap tindakan serta menggalakkan prinsip ketelusan, keadilan, integriti dan profesionalisme dalam pengurusan organisasi secara keseluruhan.

Menegakkan prinsip-prinsip kepimpinan yang baik termasuk bersikap anti rasuah, berdisiplin tinggi dan sentiasa mempamerkan komitmen yang tinggi.

Membina dan menggalakkan persekitaran kerja yang sihat dan selamat serta bebas daripada gangguan diskriminasi.

1.8.4 Berkeupayaan dalam membudayakan idea kreativiti dan inovasi dalam pentadbiran

Berkebolehan mencetus idea-idea baharu dan meningkatkan usaha untuk mentransformasikan organisasi ke arah penyampaian perkhidmatan yang lebih berkesan berdasarkan peraturan-peraturan dan undang-undang yang sedang berkuatkuasa.

1.8.5 Memiliki jaringan hubungan yang luas

Mengoptimumkan sumber-sumber organisasi untuk memenuhi perkongsian strategik dari segi maklumat, idea, pengetahuan dan kepakaran dengan pelbagai pihak untuk faedah dan kepentingan organisasi.

2. CARA MEMOHON

2.1 Calon yang berminat hendaklah mengemukakan permohonan melalui Pendaftar Universiti Awam masing-masing dengan mengemukakan perkara-perkara berikut :

2.1.1 'Curriculum Vitae' (CV) yang lengkap dan terkini beserta gambar berukuran passport. CV lengkap perlu mengandungi maklumat-maklumat seperti berikut :

- i. Latar belakang diri dan keluarga termasuk alamat surat menyurat dan nombor telefon untuk dihubungi.
- ii. Latar belakang pendidikan dan pengalaman kerjaya termasuk jawatan pentadbiran yang telah dan sedang disandang. Semua salinan sijil akademik dan berkaitan perlu disertakan bersama permohonan ini.
- iii. Dua (2) nama penyokong sebagai rujukan (referee).

2.1.2 Ringkasan cadangan perancangan dan *Key Performance Indicator* (KPI) sekiranya dilantik jawatan Pendaftar.

2.1.3 Salinan Rekod Perkhidmatan yang dikemaskini

2.1.4 Salinan Laporan Nilain Prestasi Tahunan bagi tiga (3) tahun yang terkini.

2.2 Sebarang pertanyaan sila hubungi :

(i) Shuhir Karmawi Bin Abd Aziz
Timbalan Pendaftar Kanan
Bahagian Governan, Jabatan Pendaftar
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjung Malim, Perak
No. Tel : 05-4506351
Emel : shuhir@upsi.edu.my

(ii) Puan Mohaieda binti Mat Hussin
Penolong Pendaftar Kanan
Bahagian Governan, Jabatan Pendaftar
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjong Malim Perak
No. Tel : 05-4506811
Email : mohaieda@upsi.edu.my

2.3 Permohonan yang lengkap hendaklah dialamatkan kepada

**PENDAFTAR
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
35900 TANJUNG MALIM
PERAK DARUL RIDZUAN**

2.4 Tarikh tutup permohonan ialah pada **2 Oktober 2017 (Isnin)**.

